

Kempen: PruBSN Setia dengan Doctor2U untuk E-baucar RM250

TERMA DAN SYARAT

1. Kriteria Kempen:

Penyertaan PruBSN Setia dengan **sumbangan tahunan* minima sebanyak RM3,000, melalui cara pembayaran kad kredit / debit.**

*Nota: Jika kekerapan pembayaran adalah dalam mod bulanan, maka 2 sumbangan bulanan perlu dibayar sebelum 30 September 2018.

2. Hadiah Kempen (“hadiah”): Doctor2U RM250 E-baucar. Terhad kepada satu (1) hadiah bagi setiap satu (1) sijil PruBSN Setia disertai.

3. Tempoh Kempen: **16 July 2018 – 30 September 2018**

4. Anda layak menerima hadiah jika:

(i) Anda menyertai PruBSN Setia yang dengan memenuhi Kriteria Kempen semasa Tempoh Kempen; DAN

(ii) Cadangan anda diluluskan dan dikuatkuasakan pada 31 Oktober 2018; DAN

(iii) Anda memberikan nombor telefon bimbit yang sah dalam cadangan anda.

5. PruBSN akan menghantar kod hadiah kepada anda melalui SMS, dengan nombor telefon bimbit yang disediakan dalam cadangan anda. Mana-mana nombor telefon bimbit yang tidak sah yang diberikan boleh menyebabkan hadiah anda dibatalkan, tertakluk kepada budi bicara mutlak PruBSN.

6. Jika hadiah itu dicuri atau hilang disebabkan apa-apa alasan atau dalam keadaan apa pun, tiada penggantian akan diberikan oleh PruBSN kerana semua hak, kepentingan, hakmilik dan faedah hadiah telah diserahkan kepada pemegang sijil yang layak pada masa penghantaran. Hadiah dianggap telah dihantar apabila PruBSN telah menghantar hadiah tersebut.

7. Hadiah ini tidak boleh ditukar kepada tunai.

8. Hadiah ini hanya untuk nilai RM250 sahaja. Sebarang penebusan perkhidmatan Doctor2U yang melebihi RM250 akan perlu dibayar sendiri oleh pelanggan. Walau bagaimanapun, tiada baki tunai akan dibayar dari PruBSN atau Doctor2U jika penebusan perkhidmatan dari Doctor2U adalah di bawah nilai hadiah tersebut.

9. PruBSN mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan hak anda terhadap hadiah tersebut sekiranya terma dan syarat ini tidak dipenuhi.

10. Bagi semua matlamat dan tujuan, tawaran kelayakan untuk hadiah ini, dalam apa jua keadaan tidak akan ditafsirkan sebagai suatu variasi kepada terma dan syarat di bawah sijil untuk pelan PruBSN Setia.

11. PruBSN mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk menukar/menggantikan hadiah dengan tawaran lain yang sama nilainya tanpa memberikan apa-apa notis terlebih dahulu kepada pemegang sijil yang layak.
12. PruBSN tidak membuat apa-apa perwakilan, jaminan atau aku –janji terhadap kualiti atau keberkesanan berhubung dengan perkhidmatan Doctor2U yang disediakan oleh BP Healthcare Group. PruBSN tidak akan bertanggungjawab terhadap pemegang sijil yang layak, atau mana mana pihak ketiga yang lain termasuk mana-mana penerima pemindahan perkhidmatan Doctor2U berhubung dengan apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan, tindakan guaman, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung yang berbangkit daripada atau berhubung dengan penggunaan perkhidmatan Doctor2U yang disediakan oleh BP Healthcare Group.
13. Sekiranya terdapat kempen PruBSN Setia lain yang berjalan serentak dengan kempen ini, pelanggan yang layak hanya akan diberi satu hadiah sahaja yang mempunyai nilai lebih tinggi/yang tertinggi.